



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1/10/2012

Dr. Mahathir tidak berminat jadi pengantara antarabangsa

MM - 1/10/2012

NEW YORK 30 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, beliau tidak berminat memainkan peranan sebagai pengantara antarabangsa seperti bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair atau bekas Presiden Amerika, Jimmy Carter.

Beliau menyatakan perkara ini pada perjumpaan tidak rasmi dengan pelajar Malaysia di pejabat wakil Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada Sabtu.

Selepas menerima Anugerah Peringatan Rafik Hariri PBB-Habitat pada Jumaat, beberapa hadirin bertanya Dr. Mahathir sama ada beliau ingin memainkan peranan sebagai

orang tengah untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa berdasarkan pengalaman luasnya di peringkat antarabangsa dan kedudukan beliau sebagai negarawan terkemuka.

“Saya rasa saya tidak layak memainkan peranan itu,” katanya sambil memberi alasan dalam nada berjenaka bahawa “dunia tidak akan mendengar cakap saya dan orang akan tetap melakukan apa yang mereka suka. Jadi, saya menolak kemungkinan itu.”

Pada majlis berkenaan, Dr. Mahathir kelihatan tenang dan santai ketika menjawab soalan para pelajar tentang



pelbagai isu, daripada keadaan politik di Malaysia dan langkah Malaysia untuk beralih menjadi sebuah negara maju, hinggalah kepada sengketa China-Jepun.

“Untuk mengurus sebuah negara pelbagai kaum, pelbagai budaya dan pelbagai agama seperti Malaysia, anda memerlukan kerajaan yang kuat,” kata beliau.

Dr. Mahathir menasihati para pelajar supaya tidak meninggalkan budaya serta nilai yang mereka bawa dari tanah air ketika menuntut di Barat.

“Ramai yang mula berubah dari segi nilai dan budaya sendiri setelah tinggal di negara maju. Malah, ada

yang sanggup berkata kami (di Malaysia) tidak seprogresif seperti orang di negara tempat anda belajar.

“Apabila anda membandingkan sesuatu yang baik dengan sesuatu yang lebih baik, maka negara anda akan kelihatan tidak begitu baik. Tapi, sekiranya anda bandingkan negara anda dengan sesuatu yang tidak begitu baik, maka perkara yang tidak berapa baik ini akan mula kelihatan baik,” katanya.

Beliau menggesa pelajar Malaysia supaya pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian masing-masing untuk menyumbang pengetahuan mereka dalam membangunkan negara. - BERNAMA